

Raymond hasil buku penyelidikan Gajah Borneo pertama di dunia

Oleh S.CONNIE
PEARL SUIL

UB 27.11.2014 AB
KOTA KINABALU: Disebabkan minat yang mendalam terhadap alam semulajadi, Dr Raymond Alfred, 43, mengambil keputusan untuk membuat penyelidikan secara terperinci mengenai Gajah Borneo.

Beliau yang juga penerima Anugerah Tesis Terbaik kategori Sains (Ph.D) daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu menerusi 'Conservation Ecology Bornean Elephant' turut menjadi orang pertama di dunia yang berjaya menghasilkan buku penyelidikan mengenai Gajah Borneo.

"Saya mengambil masa tujuh hingga lapan tahun untuk menyiapkan penyelidikan Gajah Borneo ini yang melibatkan populasi, habitat, persekitaran, pemakanan dan kelakuan.

"Namun begitu, saya tidak menyangka akan mendapat anugerah ini memandangkan ketika ditemuduga mereka memberitahu penyelidikan

ini terlalu banyak jika mengikut standard Malaysia," katanya ketika ditemui pemberita Majlis Anugerah Pascasiswazah 2014 di Dewan Bankuasi dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Majlis penganugerahan itu disempurnakan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Raymond yang pernah melanjutkan pelajaran di United Kingdom (UK) berkata, usaha itu tidak mungkin dapat dilakukan tanpa sokongan isteri, ibu bapa, abang kembarnya serta pihak lain termasuk UMS.

"Mereka (keluarga) turut berbangga dengan kejayaan ini dan mengatakan saya berhak menerimanya selepas segala kerja keras yang dilakukan selama ini," katanya.

Ditanya mengenai cabaran yang dilaluinya sepanjang menyiapkan penyelidikan terbabit, katanya dia terpaksa mengimbangi masa dalam acara sukan yang aktif, keluarga dan juga kerjaya.

Beliau yang juga Pengurus Projek Sabah European Union REDD+



HARUN (tengah) menyampaikan anugerah pelajar cemerlang kepada salah seorang penerima.

Programme (Kinabatangan) berkata, dia bernasib baik kerana penyelidikan yang dilakukan ada kaitan dengan kerjayanya.

"Saya sememangnya suka menerokai alam semulajadi, bagi saya apa yang dilakukan saya jadinya sebagai hobi... segala usaha yang dilakukan

ini adalah untuk manfaat generasi akan datang, jika kita tidak melakukannya, siapa lagi," katanya.

Sementara itu, seorang



RAYMOND, penerima Anugerah Tesis Terbaik kategori Sains (Ph.D) daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Saya mengambil masa tujuh hingga lapan tahun untuk menyiapkan penyelidikan Gajah Borneo ini yang melibatkan populasi, habitat, persekitaran, pemakanan dan kelakuan. Namun begitu, saya tidak menyangka akan mendapat anugerah ini memandangkan ketika ditemuduga mereka memberitahu penyelidikan ini terlalu banyak jika mengikut standard Malaysia."

DR RAYMOND ALFRED, 43



JAILANI

kelainan upaya (OKU) Dr Jailani Idris, 40, turut menjadi antara 72 penerima anugerah aspirasi pascasiswazah Ums.

Jailani yang mengalami penglihatan terhad berkata, dia terpaksa mencetak nota pada kertas A3 dengan tulisan besar kerana tidak dapat melihat dengan jelas.

Beliau turut memberitahu segala cabaran yang terpaksa ditempuhinya sepanjang mengambil Ph.D lebih-lebih lagi mempunyai dua anak OKU.

“Pada tahun lepas adalah saat yang paling getir kerana selain berusaha menyiapkan Ph.D anak pula dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas.

“Ketika sibuk membuat persiapan viva voce, di situ juga saya berulang alik dan menunggu di hospital kerana anak sakit...saya juga terpaksa membuat segala kerja-kerja itu di kantin hospital, tetapi syukur kerana profesor di UMS memahami keadaan saya,” katanya.

Menurutnya, dia pernah hampir putus asa namun isterinya terus memberikan sokongan termasuk keluarga dan juga saudara mara.

Jailani juga bercerita bahawa dia pernah terpaksa ke Kuala Lumpur dengan membawa anak isteri sambil menyiapkan tesis kerana ketika itu salah seorang anaknya terpaksa menjalani pembedahan.

Apa yang lebih menyedihkan, dua minggu sebelum menerima Ph.D pada konvokesyen UMS baru-baru ini, salah seorang daripada empat anaknya itu meninggal dunia.

“Ketika nama disebut pada konvokesyen, saya terasa sedih kerana mengenang anak yang baharu meninggal, hasrat saya untuk merakamkan gambar kenangan bersama sempena majlis itu tidak kesampaian,” katanya.

Ditanya mengenai dorongan untuk mengambil Ph.D, katanya ia dilakukan untuk kepuasan peribadi.

“Di samping itu, saya juga ingin tunjukkan kepada anak-anak bahawa ayah mereka dapat melakukannya walaupun tidak sempurna,” katanya yang bekerja sebagai guru di SMK Gadung, Beaufort.

Mengenai perancangan selepas ini, Jailani memberitahu bahawa dia ingin menulis buku mengenai pengalaman hidup sepanjang mengambil Ph.D dengan dua anaknya yang OKU.